

# USIM bantu buka peluang pekerjaan halal di Sarawak

**Kuching:** Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan kursus sembelihan dalam Program Pemindahan Ilmu-Halal Flagship untuk dipraktikkan masyarakat.

Pengarah IHRAM, Prof Madya Dr Alina Abdul Rahim, berkata kursus itu diikuti 30 peserta merangkumi anak tempatan dan wakil industri dalam kalangan eksekutif Halal.

Katanya kursus itu sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada umat Islam, mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing yang boleh membawa masalah sosial.

"Ini kali kedua Program Pekerjaan Halal (HALJOB) dijalankan selepas 2011 di Kuching dalam sesi pengenalan, ceramah dan temu duga yang berlangsung selama dua hari anjuran program Halal Sarawak.

"Antara tenaga pengajar HALJOB ialah mantan Pengarah Veterinar, Dr

Kamaruzaman; Pensyarah Fakulti Kepimpinan Pengurusan USIM, Norhayati Rafida, Pensyarah Fakulti Syariah Undang-undang, Dr Ahmad Wifaq; Pensyarah Fakulti Quran Sunnah, Prof Madya Dr Fauzi dan Ustaz Jabal, Halal Industry Development Corporation (HDC).

"Pengisian kursus ini mementingkan aspek syariah, dan teknikal. Peserta turut didedahkan kepada latihan dalam kumpulan supaya aspek integriti dan kerohanian, turut dipraktikkan," katanya.

Majlis penutup program itu dirasmikan Menteri Muda Hal Ehwal Islam, Datuk Daud Abdul Rahman. Turut hadir dalam majlis itu Yang Dipertua Majlis Agama Islam Sarawak (MIS) Datu Putin Matzen dan Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Abang Shamsuddin Abang Seruji.

## Sokongan

HALJOB ialah usaha sama antara USIM, HDC, JAIS, Veterinar Jabatan Pertanian Sarawak dan MIS bagi menjana pekerjaan dalam industri halal.

Kursus sembelihan itu dikendalikan IHRAM dengan urus setia yang terdiri daripada pelajar Sarjana Fakulti Sains Teknologi, Program Bioteknologi Makanan, USIM dan pembantu tadbir IHRAM.

Selepas menjalani sesi teori dan praktikal, semua peserta melalui ujian tauliah dari MIS di samping kehadiran pelbagai syarikat untuk menemu duga peserta.

Daud berkata, kerajaan Sarawak akan terus memberikan sokongan kepada USIM untuk mengadakan lagi kursus sebegitu pada masa akan datang.

Beliau mencadangkan

supaya ia diadakan juga di Miri dan Sibul kerana terdapat 21 pusat sembelihan di negeri itu dan menyasarkan 100 penyembelih bertauliah di Sarawak.



Peserta Program HALJOB.